

Dulu Arab pukau, kini Arab merompak

Kes Jenayah Orang Arab

Oleh MOHD. TURMADZI MADUN
dan SYED AHMAD ZULKARNAIN
SYED ALI
berita@kosmo.com.my

Kosmo 10/2/09 m s 12

SUBANG JAYA - Selalunya kumpulan Pak Arab dikaitkan dengan ilmu pukau bagi mengemas barang berharga milik mangsanya tetapi perkara sebaliknya berlaku di Jalan Dagang Taman Sungai Besi di sini semalam.

Dalam kejadian pukul 1.40 petang itu, sekumpulan lima lelaki dipercayai berketurunan Arab telah menyamun dua pembekal barang kemas yang diekori mereka.

Sebelum kejadian, kumpulan suspek itu menaiki sebuah kereta Toyota Camry berwarna emas menggunakan nombor pendaftaran BHY 6786.

Suspek-suspek itu dipercayai mula mengekori dua mangsa bermula dari Kajang.

Sebelum kejadian, kedua-dua pembekal emas yang berusia 20-an telah pergi ke Kajang bagi mengambil sejumlah barang kemas bernilai RM400,000 yang

baru sampai daripada pembekal di Klang.

Barangan kemas itu mahu didedar kepada pengusaha-pengusaha kedai barang kemas di Lembah Klang.

Bagaimanapun, sebelum menghantar barang kemas tersebut, mereka berhenti minum di sebuah restoran di situ.

Mereka meletakkan kenderaan pacuan empat roda Nissan Frontier di tempat letak kereta tidak jauh dari restoran tersebut.

“Selepas minum mereka berjalan ke arah kenderaan dan ketika itulah muncul empat daripada lima lelaki yang telah mendekati mangsa sebelum memaksa mereka menyerahkan beg berisi barang kemas yang dibawa,” kata jurucakap polis.

Kedua-dua mangsa yang terkedu takut dengan perwatakan suspek-suspek yang didakwa sasa dan bengis walaupun mereka tidak nampak sebarang senjata. Mereka terus menyerahkan beg tersebut.

Jurucakap polis itu membe-

'Terpukau' lihat wanita berjubah hitam

Oleh Zaid Mohd. Noor dan Samsul Bahari Mohamad

KOTA BHARU - “Idea seperti benda, merorit tetapi tidak jadi ketika selepas memandang mereka dan saya hanya teragak, mereka seorang lagi wanita yang tampak seperti perempuan mereka meragukan.”

Itu cerita juruwang sebuah pasar raya di Kampung Tunjong di sini, Rasiyah Abdul Razak yang mendakwa didapati tiga orang wanita berpakaian hitam di tempat kerjanya semalam.

Katanya, ketiga-tiga wanita itu berusia antara 20 dan 40 tahun dan dua daripada mereka tidak berjanggut.

Rasiyah, 21, berkata, dia seolah-olah berada dalam keadaan seperti sedar selepas melihat mata salah seorang wanita tersebut ketika mereka menanti pendaftaran di kaunter.

Katanya, wanita itu memberikan wang kes RM100 untuk membayar barangan yang

Rakaman CCTV aksi seorang wanita berjubah hitam yang mengambil wang dari dalam mesin pembayaran di sebuah pasar raya di Kota Bharu keimari.



KERATAN Kosmo!
28 Januari lalu.

ritahu, sebelum melarikan diri, suspek telah memancing keempat-empat tayar kenderaan yang dinaiki pembekal emas itu.

Mangsa telah membuat laporan di balai polis berhampiran

untuk membantu siasatan.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Subang Jaya, Asisten Komisioner Zainal Rashid Abu Bakar mengesahkan kejadian tersebut.

KES PERTAMA:
POLIS Terengganu menahan tiga suspek iaitu dua lelaki masing-masing rakyat Turki dan Iran dan seorang wanita Turki pada 20 Oktober tahun lalu kerana mereka disyaki terlibat dalam beberapa kes tipu dan pukau di negeri itu.

KES KEDUA:
SEORANG warga asing mendakwa menjadi mangsa samun sekumpulan lelaki Arab berhampiran sebuah hotel di Kuala Lumpur pada 9 Januari lalu.
Mangsa kerugian RM10,600 selepas seorang anggota kumpulan itu menyamar sebagai anggota polis Interpol. Polis masih gagal menahan suspek itu.

KES KETIGA:
PADA 28 Januari di Kota Bharu, tiga wanita berjubah hitam disyaki orang Arab melarikan wang berjumlah RM650 dari sebuah pasar raya di sini. Kes tersebut masih dalam siasatan.

KES KEEMPAT:
PADA 2 Februari lalu, dua wanita dan seorang lelaki yang berpakaian seperti orang Arab melarikan wang RM300 dari sebuah kedai batik di Kota Bharu, Kelantan.
Kedua-dua suspek semasa kejadian berpura-pura membelek-belek kain batik sebelum meninggalkan kedai itu menaiki kereta Proton Perdana.

Lagi duit RM1,500 dikebas pasangan orang asing

Oleh SAMSUL BAHARI MOHAMED
berita@kosmo.com.my

JELI - Kegiatan pukau melibatkan pasangan Arab bagi mencuri wang makin menjadi-jadi di Kelantan.

Dalam kes terbaru, seorang pekerja stesen minyak mendakwa di-

pukau oleh seorang lelaki dan seorang wanita sebelum mereka melarikan wang sebanyak RM1,500 di Batu Melintang di sini kelmarin.

Ketua Polis Daerah Jeli Deputy Supritendan, Muhamad Hanipah Abdul Malik berkata, kejadian pukul 12.30 tengah malam itu berlaku ke-

tika pekerja stesen minyak itu sedang mengira sejumlah wang di kaunter sebelum dia menutup perniagaannya pada hari tersebut.

Menurutnya, pasangan berkenaan tiba-tiba muncul dan mereka mullanya membeli sebungkus keropak ubi kentang.

“Sebelum membuat bayaran, pasangan itu bertanya perbezaan mata wang dolar dengan ringgit.

“Masa itu suspek lelaki cuba mengambil wang di kaunter yang dibuka oleh pekerja itu tetapi ia sempat ditepis oleh mangsa,” katanya.

Bagaimanapun, Muhamad mem-

beritahu, tanpa disedari mangsa, wang sebanyak RM1,500 lesap.

Pasangan tersebut menghilangkan diri dengan sebuah kereta Proton Waja.

Sebelum ini empat kes mencuri melibatkan orang Arab dilaporkan berlaku di negeri ini.

1.2 juta pelancong Arab di Malaysia

KUALA LUMPUR - Setiap tahun sejumlah 1.2 juta orang Arab memilih Malaysia sebagai destinasi pelancongan mereka.

Mereka biasanya akan tinggal di negara ini antara sebulan hingga dua bulan sama ada untuk berbulan madu ataupun ber-cuti.

Musim melancong bagi mereka adalah menjelang musim panas di Asia Barat iaitu pada bulan Julai hingga September.

Lokasi di ibu negara yang menjadi tarikan pelancong Arab ialah di Jalan Bukit Bintang. Di sini segala kemudahan terutama restoran Arab yang memudahkan mereka meneruskan percutian panjang.

Pelancong Arab dikatakan gemar berbelanja besar iaitu antara RM1,000 sehingga RM5,000 bagi membeli barangan seperti minyak wangi, coklat, jam tangan dan aksesori lain wanita.

Barangan lain yang menjadi pilihan ialah baju dan replika pewter Menara Berkembar Petronas, herba-herba tradisional dan tongkat ali serta barangan ukiran kayu.

Gedung beli-belah yang biasa dikunjungi pelancong Arab ialah Suria KLCC, Berjaya Times Square, Grand Millenium, Pavilion dan Little India di Klang.



PASANGAN pelancong Arab yang menghabiskan percutian mereka di sebuah restoran di Ampang Park, Jalan Ampang, Kuala Lumpur semalam.

Pak Arab punyai kepakaran jenayah

KUALA LUMPUR - Polis semalam mendedahkan terdapat segelintir pelancong Arab yang masuk ke negara ini mempunyai kepakaran dalam jenayah.

Jadi kemasukan mereka ke negara ini semata-mata untuk melakukan jenayah.

Polis difahamkan telah mengenal pasti lebih 10 kumpulan samun melibatkan kumpulan Arab yang berada di negara ini.

Mereka ini pakar dalam ilmu pukau dan ada di antaranya mencari sasaran di negeri-negeri di Pantai Timur.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Datuk Seri Mohd. Bakri Mohd. Zinin (**gambar**) berkata, walaupun pihaknya tidak melihat kegiatan samun dan rompak oleh kumpulan Arab sebagai satu ancaman tetapi mengakui polis perlu membanteras kumpulan tersebut.

Menurut beliau, jenayah

orang Arab bukan terbatas dalam pukau malah mereka juga ada terlibat dalam kes samun di tepi jalan atau di pasar raya dan hotel-hotel terkemuka.

Katanya, pihaknya pernah melakukan beberapa tangkapan membabitkan penjenayah itu.

Sementara itu, Ketua Polis Kelantan, Datuk Abdul Rahim Hanafi berkata, pihaknya mengenal

pasti empat warga asing di-percayai Arab yang melakukan pukau untuk mencuri.

Menurutnya, mereka yang berpasangan itu dipercayai menganggotai satu kumpulan sindiket yang aktif melakukan jenayah di Pantai Timur.

“Lokasi tumpuan ialah di pasar raya, kedai emas dan kedai runcit,” katanya.

Mengikut mangsa-mangsa, anggota kumpulan itu juga mempunyai wajah mirip seperti warga Pakistan dan mereka fasih berbahasa Inggeris.

